



Faridzul Afiq meraikan jaringan ketika membaritu UniKL menjinakkan Nur Insafi 3-1 di Stadium Tengku Abdullah, kelmarin.

## UniKL kena lebih menyengat!

**PENGENDALI** Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Arul Selvaraj menggesa barisan pemainnya memperbaiki prestasi lebih menyakinkan menjelang pertemuan menentang TNB Thunderbolts di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, selepas berhempas pulas menewaskan Nur Insafi 3-1, kelmarin.

"Thunderbolts pasukan yang mempunyai kekuatan fizikal. Ke-pantasan adalah senjata utama mereka dan kami perlu bermain bijak apabila berentap dengan pemain muda dan tidak boleh mengulangi persembahan seperti semalam,"

kata Arul.

Dilaman sendiri Stadium Tengku Abdullah kelmarin, UniKL memerlukan dua jaringan lewat masing-masing Marhan Jalil dan Faridzul Afiq Mohd untuk mengatasi lawan yang berpangkalan di Sungai Petani, itu.

Ini selepas Nur Insafi terlebih dulu berada di depan jaringan gol padang bekas penyerang negara Ismail Abu minit kelapan sebelum tonggak import Belanda, Robbert Kemperman menyamakan kedudukan tiga minit selepas bersambung suku kedua.